

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 19 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	ISU ORANG TENGAH DISELESAI 2 BULAN LAGI, DALAM NEGERI, UM -8 PENYELESAIAN ORANG TENGAH DIBENTANG DUA BULAN LAGI, ISU, BH -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3. 4.	HIDUPAN MIRIP IKAN LUMBA-LUMBA DITEMUI MATI TERDAMPAR, NEGARA, KOSMO -17 MSTERIOUS CREATURE LEAVES EXPERTS PUZZLED, NEWS, SUN -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6.	FAMA BINA AGROMALL, SIAP DISEMBER 2020, MY METRO -ONLINE DUA PENJAWAT AWAM DIREMAN TUJUH HARI, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9.	MKMF LAHIRKAN LEBIH RAMAI USAHAWAN MUDA, NEGARA, KOSMO -14 REZEKI CILI GANTUNG, SETEMPAT, HM -26 MAAHAD RAIH HASIL DARI KANDANG KE LADANG, INSPIRASI, BH -22	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8



SALAHUDDIN AYUB (tengah) melihat replika Agromall Puchong dalam majlis pecah tanah kompleks berkenaan di Puchong, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Isu orang tengah diselesai 2 bulan lagi

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 18 APRIL**

JAWATANKUASA Khas Kabinet Menangani Orang Tengah dijangka membentangkan cadangan penyelesaian isu berkenaan dalam tempoh dua bulan lagi.

Buat masa ini, jawatankuasa yang dianggotai oleh lima kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Kementerian Wilayah Persekutuan serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu juga se-

dang merangka agenda untuk dijadikan terma rujukan mengenai isu berkenaan.

Walau bagaimanapun, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub yakin isu melibatkan orang tengah yang berleluasa terutamanya dalam sektor perikanan dapat diselesaikan mengikut tempoh sepatutnya.

Jelas beliau, perbincangan melibatkan lima kementerian itu merupakan platform penting bagi memendekkan rantaian pemasaran sekali gus mengurangkan isu berbangkit lain termasuk melibatkan buruh asing.

"Sebelum ini, saya pernah mencadangkan supaya orang tengah ini dilesenkan kerana dalam pemerhatian kita mereka

sememangnya tidak mempunyai lesen dan kadang-kadang tak kenal pun siapa mereka,

"Atas sebab itu, kesemua Ketua Setiausaha lima kementerian ini sedang berbincang dan akan merumuskan keputusan penting bagi menangani isu ini. Selepas itu, baru kita akan berbincang di kementerian masing-masing sebelum dibawa ke Kabinet," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pecah Tanah Agromall Puchong, dekat sini hari ini.

Projek Agromall Puchong di bawah kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu yang menelan belanja RM8 juta akan dibangunkan di tapak seluas kira-kira satu hektar dan dijangka siap pada penghujung 2020.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2019	BERITA HARIAN	ISU	13

Penyelesaian orang tengah dibentang dua bulan lagi

➔ Lima
kementerian
rangka terma
rujukan
atasi isu

Oleh Mohd Iskandar
Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

➔ Puchong

Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Orang Tengah dijangka membentangkan cadangan penambahbaikan dan penyelesaian bagi menangani isu berkenaan dalam tempoh dua bulan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata buat masa ini Ketua Setiausaha (KSU) membatik lima kementerian sedang berbincang dan merangka terma rujukan untuk mende-pani isu berkenaan.

Katanya, lima KSU itu membatik Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Wilayah Persekutuan serta Kementerian Perumahan dan Ke-



[FOTO BERNAMA]

Salahuddin mendengar penerangan reka bentuk dalaman Agro Mall Puchong pada majlis pecah tanah di Tapak Pasar Tani Puchong, semalam.

rajaan Tempatan (KPKT).

"KSU di lima kementerian sedang merangka agenda dan perkara yang akan menjadi terma rujukan supaya dapat mengambil keputusan penting bagi menangani isu orang tengah.

"Selepas itu, baru pada peringkat kementerian akan mengadakan mesyuarat, saya rasa dalam tempoh dua bulan ini kita dapat merumuskan perkara besar jalan penyelesaian dalam mende-pani isu orang tengah ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah

Agro Mall FAMA Puchong di sini, semalam.

Pendekkan rantaian pemasaran

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ir Izham Hashim dan Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, antara perkara yang sedang diperhalusi ialah memendekkan rantaian pemasaran, terutama sektor perikanan.

"Memang selama ini rantaian pemasaran terlalu panjang sehingga ada isu nelayan hanya mendapat RM4 namun (orang tengah menjual) atas meja menjadi RM20.

"Sebab itulah kita tidak boleh membiarkan perkara ini berlaku, maka kita harus mencari jalan bagaimana memendekkan rantaian pemasaran. Ini boleh dilakukan sekiranya kita dapat mencari satu formula atau kaedah," katanya.

Mengenai pembinaan Agro Mall FAMA itu, beliau berkata, projek bernilai RM8 juta itu dijangka siap tahun depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2019	KOSMO	NEGARA	17

Hidupan mirip ikan lumba-lumba ditemui mati terdampar

LABUAN - Sejenis hidupan laut yang dianggap misteri dijumpai mati terdampar dalam keadaan telah reput di Pantai Membedai di sini kelmarin.

Bangkai haiwan yang menyerupai ikan lumba-lumba sepanjang 1.8 meter itu dijumpai di pantai peranginan popular berkenaan pagi kelmarin oleh seorang pengunjung pantai.

Bagaimanapun spesies hidupan itu belum dapat dikenal pasti oleh pegawai perikanan dan veterinar.

Pengarah Jabatan Veterinar Labuan, Dr. Marysia James Abie berkata, agak sukar untuk menentukan punca kematiannya kerana bangkainya sudah reput teruk dan kepalanya hancur sedikit.

"Haiwan yang dianggarkan dalam usia juvena itu dipercayai telah mati lebih



BEBERAPA pegawai veterinar memeriksa hidupan laut yang dijumpai mati terdampar di Pantai Membedai, Labuan kelmarin.

72 jam lalu," katanya.

Beliau berkata, daripada siasatan awal, mereka tidak menemui sebarang plastik dalam perut hai-

wan itu atau sebarang elemen yang menunjukkan ia dibunuh kerana ia tidak mempunyai sebarang kecederaan fizikal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2019	SUN	NEWS	6

Mysterious creature leaves experts puzzled

LABUAN: The rotting remains of a mysterious creature that washed ashore on Membedai beach here yesterday has left fisheries and veterinary officials baffled.

A stunned jogger stumbled upon the six foot carcass (of a dolphin-like sea creature) on the popular picnic coastline on Wednesday morning.

Labuan Veterinary Department director Dr Marysia James Abie said it was not possible to identify the cause of death as it was already decomposed and its head was slightly crushed.

"It was a juvenile creature and had been dead for more than 72 hours.

"This animal is rarely seen in our waters, so to see it dead on the beach is very pathetic."

She said based on preliminary

investigations, they found no plastics inside the stomach and no elements of trauma contact as there were no physical injuries.

"We are unable to determine whether the creature was a dolphin or a 'dugong,'" she added.

Labuan Fisheries Department director Faizal Ibrahim Suhaili, when contacted, shared Marysia's opinion on the creature.

"We are still waiting for a full report from the Veterinary Services Department, on whether it died at sea or whether the creature was a dolphin, but it is sad to see the creature lying dead on our beach," he said.

The carcass was later buried near the beach.

Three dolphins were recently seen swimming off Rusukan Island waters and captured by tourists. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2019	MY METRO	ONLINE	

FAMA bina Agromall, siap Disember 2020



DATUK Salahuddin Ayub (empat kanan) dan Pengerusi FAMA, Ishak Ismail (lima kanan) melihat replika Pasar Tani sempena Majlis Pecah Tanah Agromall di Pasar Tani Borong Puchong.

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membangunkan sebuah pasar raya Agromall pertama berkonsepkan produk agromakanan membabitkan kos sebanyak RM8 juta yang dijangka siap Disember 2020.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata, seramai 250 usahawan industri asas tani (IAT) akan mendapat faedah daripada pembangunan Agromall itu dengan sasaran jualan RM18 juta setahun.

Beliau berkata, projek yang dibangunkan di tapak seluas 1.2 hektar menempatkan lot jualan produk agro makanan, pameran produk IAT selain dilengkapi kemudahan bilik sejuk, tandas, surau serta parkir.

"FAMA telah membangunkan banyak outlet pasaran selaras dengan peranannya memperluaskan saiz pasaran produk agromakanan.

"Ia bagi memastikan produk agromakanan tersedia manakala petani dan pengeluar menerima harga munasabah dan menguntungkan.

"Selain itu, pengguna akan dijamin bekalan berkualiti dengan harga berpatutan," katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah Agromall Puchong, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi FAMA Ishak Ismail dan Ketua Pengarah FAMA Datuk Ahmad Ishak.

Salahuddin berkata, projek ini akan menjadi saluran pasaran alternatif dengan pengwujudan outlet runcit premium bagi peningkatan jualan produk agro makanan dan produk IAT keluaran usahawan tempatan.

"Dianggarkan terdapat lebih dari 1,500 unit simpanan stok (SKU) produk dikeluarkan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) IAT namun pengguna sukar mendapatkannya di pasaran.

"Pada masa ini, aktiviti perniagaan telah dijalankan di bangunan pasar sementara di tapak ini membabitkan 18 usahawan dengan purata nilai jualan RM1 juta sebulan.

"Pembangunan projek ini akan memberi fokus kepada produk IAT manakala komoditi produk segar akan diniagakan di lot sedia ada," katanya.

Menurutnya, Agromall Puchong apabila siap kelak akan beroperasi secara harian setiap hari membabitkan aktiviti jualan secara runcit, borong dan dalam talian selain berperanan sebagai 'pickup point'.

"Projek ini berupaya meningkatkan pendapatan usahawan sebanyak 30 peratus dengan penjimatan lima hingga 20 peratus kepada pengguna.

"Kementerian yakin pembangunan projek ini akan menjadi pemangkin di dalam pembangunan sistem pemasaran, pengedaran dan logistik yang cekap dan berkesan seterusnya mempromosi industri agromakanan sebagai satu perniagaan menguntungkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2019	KOSMO	NEGARA	16

Dua penjawat awam direman tujuh hari

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM - Dua penjawat awam direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung rasuah pembekalan alat tulis pada tahun lalu.

Kedua-dua mereka merupakan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Pembantu Tadbir di Jabatan Insolvensi yang menerima suapan berjumlah RM1,000 dan RM2,000.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Khairul Nizam Abu Bakar selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan lanjut.

Terdahulu, kedua-dua suspek tiba di Mahkamah Shah Alam di sini kira-kira pukul 10.15 pagi dengan memakai baju lokap SPRM dan bergari diiringi pegawai SPRM.

Kedua-dua suspek masing-masing berusia 33 dan 38 tahun ditahan di Pejabat SPRM negeri semalam ketika hadir memberikan keterangan.

Menurut sumber, suspek yang bertugas di FAMA itu menerima suapan daripada pemilik sebuah syarikat



KEDUA-DUA suspek diiringi pegawai SPRM ketika tiba di Mahkamah Shah Alam, Selangor semalam.

sebagai balasan memilih syarikat tersebut secara langsung bagi membekalkan alat tulis di FAMA.

Katanya, individu di Jabatan Insolvensi pula disyaki telah menerima suapan daripada pemilik syarikat yang sama sebagai balasan mendapatkan kerja-kerja pembekalan alat

tulis di jabatan tersebut.

"Mereka kini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

MKMF lahirkan lebih ramai usahawan muda

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU
ABDUL RAHMAN

SEPANG – Kerajaan sentiasa komited dalam melahirkan lebih ramai usahawan muda di negara ini sekali gus mampu meningkatkan pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu khususnya kepada golongan belia di luar bandar.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar berkata, salah satu caranya adalah melalui program My Kampung My Future (MKMF) yang diwujudkan sejak tujuh tahun lalu menerusi kerjasama empat kementerian, kerajaan negeri serta pelbagai agensi kerajaan.

Katanya, MKMF diwujudkan bagi meningkatkan ekonomi penduduk kampung sekali gus dapat mengurangkan penghijrahan golongan belia ke bandar.

“Sebagai contoh, sehingga kini sebanyak 15 kampung di seluruh negara yang terlibat dengan program MKMF se-



ISMAIL (tiga dari kiri) menunjukkan kemahiran mencanting batik ketika merasmikan Program MKMF Homestay Banghurus, Sepang semalam.

jak 2012 melibatkan seramai 1,930 peserta dengan nilai jualan produk dan perkhidmatan RM25 juta.

“Kita tengok program MKMF homestay sahaja mampu menjana sampai RM800,000 setahun. Jika kita terjemahkan kepada pendapatan orang kampung yang terlibat dalam industri ini, ia merupakan aktiviti yang sangat digalakkan,” katanya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja dan perasmian program MKMF Homestay Banghurus di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau yakin jumlah kampung yang terlibat dalam program berkenaan mampu ditingkatkan pada masa akan datang dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan khususnya bagi industri memproses makanan dan pelancongan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	26

Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Siapa sangka usaha bakal graduan ini yang pada mulanya sekadar mencuba nasib dalam bidang pertanian iaitu penanaman cili akhirnya membuah hasil lumayan.

Penanaman cili menggunakan kaedah fertigasi gantung sejak dua bulan lalu diusahakan Tuan Mohd Kamarul Hisyam Tuan A Talib, 25, di depan rumah keluarganya di Kampung Telaga Lanas, Pengkalan Kubor.

Meskipun tidak memiliki pengetahuan berkaitan pertanian, Tuan Mohd Kamarul Hisyam sanggup mengambil risiko memulakan penanaman cili di tanah seluas 0.4 hektar milik bapanya.

"Sebelum ini, saya teracari-cari aktiviti berfaedah untuk mengisi masa lapang sementara menunggu majlis konvokesyen Oktober depan.

"Saya mendapat pendedahan mengenai teknik penanaman cili daripada rakan sebelum diperkenalkan kepada konsultan dan menghadiri



TUAN Mohd Kamarul Hisyam menunjukkan cili yang diusahakan menggunakan kaedah fertigasi gantung berhampiran rumahnya.

■ Bakal graduan tanam depan rumah kaut hasil sebanyak 4 tan

kursus sehari," katanya.

Anak kelima daripada enam beradik itu berkata, dengan bantuan abangnya mereka menanam 2,700 beg cili membabitkan kos RM30,000.

Menurutnya, tanaman cili berkenaan mula mengeluarkan hasil pertengahan Mac lalu dan setakat ini jumlah tuai sudah mencecah empat tan.

"Saya menetapkan sasaran

untuk mengutip hingga sembilan tan cili. Hasil tanaman dijual kepada pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong pada harga RM6 untuk sekilogram.

"Selepas bergelar graduan nanti, saya mungkin mencari pekerjaan mengikut bidang pengajian yang diambil namun akan meneruskan usaha ini dengan bantuan keluarga," katanya.

Maahad raih hasil dari kandang ke ladang



(FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BBH)

Azrul Hakim memelihara lembu untuk membiayai perbelanjaan Maahad Tahfiz al-Quran Wal Imamah di Kampung Bukit Kerayong 2, Klang.

Matqi jadi perintis konsep tahfiz agro lekapkan pelajar ilmu ternakan, pertanian

Oleh Siti Nur Mas
Erah Amran
maserah.amran@
nsp.com.my

► Klang

Projek biogas menggunakan najis ternakan bagi menghasilkan gas mesra alam menjadi satu pelan terbaru Maahad Tahfiz al-Quran Wal Imamah (Matqi) di sini, ke arah memperkasakan konsep tahfiz agro di negara ini.

Pengetuarnya, Azrul Hakim Suradi, berkata pihaknya menjalankan kerjasama dengan institusi pengajian swasta di Tlitar, Boyolali bagi mempelajari silibus berkaitan tahfiz agro yang semakin berkembang di Indonesia.

"Penduduk kampung di sana menggunakan najis haiwan ternakan seperti lembu dan kambing untuk menjana gas yang boleh digunakan untuk memasak.

"Jalinan kerjasama ini sudah lama dirancang, namun kekurangan dana menyebabkan ia belum dapat dilaksanakan.

"Kita mahu maahad ini menjadi perintis institusi tahfiz agro yang dapat mengembangkan bidang pertanian dan penternakan, sekali gus menjana ekonomi bagi menampung keperluan pelajar," katanya.

Bellau berkata, konsep *from zero cost to zero waste* digunakan bagi memanfaatkan haiwan ternakan secara keseluruhannya.

Proses najis jadi baja kompos

"Kitarannya sempurna. Sebagai contoh, lembu dan kambing yang dipelihara mengeluarkan najis yang boleh diproses menjadi baja kompos.

"Baja kompos ini kemudian digunakan untuk penanaman padi dan di bawah pula, ikan keli dan belut yang dipelihara secara integrasi melengkapkan kitaran dari kandang ke ladang," katanya.

Menceritakan kembali pembabitannya dalam bidang agro, Azrul Hakim, berkata minatnya didorong oleh arwah bapa.

Katanya, arwah bapa membela kambing dan ternakan itu akan dijual bagi menampung yuran peragaan anaknya.

"Saya gunakan konsep sarna dan hasil jualan digunakan bagi membiayai perbelanjaan maahad yang terdiri daripada 25 pelajar kurang berkemampuan.

"Ada pelajar di sini yang terdiri daripada anak-anak yatim dan fakir. Saya tidak mahu alasan 'tidak cukup' membantutkan keinginan mereka untuk belajar.

"Selain ternakan, sayur-sayuran ditanam di sekitar kawasan maahad dan akan dijual bagi menambahkari pendapatan maahad," katanya.

Lebih menarik, Azrul Hakim berkata, pelajar didedahkan dengan ilmu penternakan dan pertanian setiap hujung minggu.

"Mereka diajar untuk berkebun, membaja tanaman dan menguruskan haiwan ternakan supaya dapat memimba pengalaman, bukan sekadar menghafaz al-Quran.

"Ada pelajar lambat menghafal dan bagi mengelakkan sebarang kesulitan, mereka dilengkapi dengan kemahiran lain agar dapat berkahari selepas menamatkan pengajian.

"Bagaimanapun, aktiviti ini hanya berlangsung setiap hujung minggu kerana saya tidak mahu pembelajaran mereka terganggu," katanya.

Bellau berkata, peluang memperkasakan maahad tahfiz lebih cerah selepas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof turun padang dan melawat Matqi sebelum ini.

Katanya, masih banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan dan ramaiah tak tampak untuk membantu.

"Saya belum berpuas hati kerana kebanyakan sistem yang digunakan masih manual, misalnya penyiraman tanaman menggunakan paip getah dan proses letak baja menggunakan tenaga manusia.

"Kadang-kadang, pokok mati sebab tak cukup air dan saya pasti alatan pertanian dapat membantu menyelesaikan masalah ini.

"Selain itu, saya bercadang membina rumah kaca khusus untuk tanam sayur-sayuran dan akan bekerjasama dengan pakar agropnik untuk merealisasikan impian ini," katanya.

Sesiapa yang berminat untuk mewakafkan haiwan ternakan boleh berbuat demikian menerusi akaun Maybank 562272901703 atau hubungi talian 03-33933563 untuk maklumat lanjut.



Azrul Hakim menunjukkan baja yang dihasilkan daripada najis ternakan di Kampung Bukit Kerayong.